

# Pemerolehan Bahasa Pertama Remaja Attention Deficit Hiperactivity Disorder Terhadap Arahan Semasa Pandemik Covid-19

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 28-46  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 8 May 2023  
Accepted: 7 June 2023  
Published: 7 July 2023

## [First Language of Adolescents Attention Deficit Hiperactivity Disorder Towards Covid-19 Pandemic Instructions]

Siti Noridayu Abd Nasir, Hazlina Abdul Halim & Ahmad Shuib Yahaya\*<sup>1</sup>

1 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: noridayu87\_nasir@yahoo.com; hazlina\_ah@upm.edu.my; ahmadshuib@upm.edu.my

\*Corresponding Author: noridayu87\_nasir@yahoo.com

### Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat sejauh mana pemerolehan bahasa remaja berkeperluan khas terhadap arahan sepanjang pandemik Covid-19. Selain itu, bertujuan menganalisis pemerolehan bahasa (B1) dalam arahan yang diberikan semasa pandemik dengan mengaplikasikan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960). Seterusnya, kajian dijalankan dengan melihat kepada pemahaman tentang arahan dalam pematuhan *Standard Operation Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mengaitkannya menggunakan teori yang dipelopori oleh Jean Piaget. Pemerolehan bahasa (B1) juga dilihat melalui pengetahuan tentang virus Covid-19 melalui informasi yang dikeluarkan oleh KKM secara rasmi. Responden kajian adalah seorang remaja yang dikategorikan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran dari negeri Perlis dipilih dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah artikel dan poster yang dikeluarkan oleh KKM melalui laman *facebook* rasmi KKM. Temu bual bersama responden dirakam dan ditranskripsi secara teks untuk proses dokumentasi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa remaja berkeperluan khas dapat memahami dengan jelas arahan semasa pandemik Covid-19 kerana terdapat arahan yang diketahui dengan jelas melalui media elektronik. Malah, peringatan secara berulang kali oleh ahli keluarga dan orang sekeliling menjadi perkara penting yang diingati dengan jelas oleh responden. Responden dilihat dapat melaksanakan arahan semasa pandemik Covid-19 dengan jelas dan memahami tentang bahaya serta kesan akibat jangkitan virus tersebut kepada manusia. Malah, melalui kajian ini cara penyampaian maklumat sepanjang pandemik Covid -19 yang menunjukkan keberkesanannya boleh diaplikasikan dalam proses pembelajaran remaja berkeperluan khas.

**Kata kunci:** pemerolehan bahasa, bahasa pertama, *Attention Deficit Hiperactivity Disorder*, Covid-19

### Abstract

This study was conducted to aim the language acquisition of teenagers with special needs education in response to instructions during the Covid-19 pandemic. In addition, it aims to analyse the acquisition of language (B1) in the instructions given during the pandemic by applying Piaget's Theory of Cognitive Development (1960). Next, the study was conducted by looking at the understanding of the instructions in compliance with the Standard Operating Procedure (SOP) issued by the Ministry of Health Malaysia (KKM) by relating it using the theory pioneered by Jean Piaget. Language acquisition (B1) is also seen through knowledge about the Covid-19 virus through information issued by the

Ministry of Health officially. The study respondent is a teenager who is categorized as people with disabilities (OKU) with learning problems from the state of Perlis selected in this study. The research instrument used an articles and posters issued by the Ministry of Health through an official Facebook page of the Ministry of Health Malaysia. Interviews with respondents were recorded and transcribed in text for the documentation process. The results of the study show that teenagers with special needs education can clearly understand instructions during the Covid-19 pandemic because there are clearly known instruction through electronic media. In fact, repeated reminders by family members and people around important things that are clearly remembered by respondents. Respondents were seen to be able to carry out instruction during the Covid-19 pandemic clearly and understand the dangers and effects of the virus an infection on human. In fact, through this study the method of delivering information throughout the Covid-19 pandemic that shows its effectiveness can be applied in the learning process of teenagers with special needs.

**Keywords:** language acquisition, first language, *Attention Deficit Hiperactivity Disorder*, Covid-19

**Cite This Article:**

Siti Noridayu Abd Nasir, Hazlina Abdul Halim & Ahmad Shuib Yahaya. (2023). Pemerolehan Bahasa Pertama Remaja Attention Deficit Hiperactivity Disorder Terhadap Arahan Semasa Pandemik Covid-19 [First Language Of Adolescents Attention Deficit Hiperactivity Disorder Towards Covid-19 Pandemic Instructions]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 28-46.

## Pengenalan

Kashif, R. & Rafael, D.B. (2021) menjelaskan tentang *Language Acquisition Device* (LAD) membantu kanak-kanak memahami fungsi bahasa apabila mereka berinteraksi dengan orang dewasa yang telah menguasai sesuatu bahasa. Oleh itu, remaja adalah individu yang telah menerima bahasa dalam proses peningkatan usia mereka. Amita Diananda (2018) menyatakan tahap usia remaja adalah pada umur 10 tahun hingga 21 tahun yang merupakan fasa peralihan kepada individu dewasa. Ahwy Oktradiks (2013) menjelaskan bahasa pertama adalah bahasa ibunda yang dikuasai sejak awal kehidupan melalui interaksi dengan anggota keluarga. Tambah, Ahwy Oktradiks (2013) lagi bahasa pertama adalah proses awal melalui pengenalan bunyi dan lambang bahasa dan melalui proses memahami serta menzahirkan bahasa dalam beberapa tahap bermula dari meraban hingga fasih bercakap.

Namun begitu, pemerolehan bahasa pertama (B1) bagi pelajar berkeperluan khas memerlukan lebih perhatian. Abdullah Yusoff & Che Rabiah Mohamed (2014) menjelaskan simptom yang umum adalah lambat dalam bertutur dan begitu berkaitan dengan kecacatan yang berlaku dalam komunikasi lisan. Norazizah Mohamed Norok & Khairul Farhah Khairuddin (2022) menyatakan bahawa ketepatan dan kesesuaian dalam pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan terhadap pencapaian murid terutamanya murid berkeperluan khas. Kesan daripada pandemik Covid-19 telah mengubah norma sistem pendidikan kepada atas talian bagi mengelakkan jangkitan. Constantinos, N. M. & Christina, S. L. (2020) menjelaskan bahawa era pandemik covid-19 memberikan kesan kepada ekonomi dan pendidikan khas yang memberikan kesan pemunggiran yang besar kepada mereka dalam pendidikan. Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan (2021) menyatakan bahawa virus Covid-19 yang membawa kepada pandemik bukan sahaja memberi kesan terhadap sektor pekerjaan dan ekonomi, malahan sektor pendidikan. Walau bagaimanapun, inisiatif pendidikan yang dijalankan secara atas talian dilaksanakan bagi menekan penularan virus Covid-19. Yi-Chi Wu et al., (2022)

memperjelaskan wabak Covid-19 muncul secara misteri pada akhir Disember 2019 yang merupakan wabak radang paru-paru dengan simptom demam, batuk kering dan keletihan. Tambah, (Yi-Chi Wu et al., 2022) lagi wabak ini bermula di pasar basah atau pasar borang yang menjual makanan laut Huanan di Wuhan, Hubai negara China.

Maka, situasi bahaya semasa pandemik memerlukan pemahaman terhadap informasi bagi mengelakkan penularan. Maklumat berkaitan Covid-19 perlu difahami dengan jelas oleh setiap individu tidak terkecuali remaja berkeperluan khas. Informasi berkaitan Covid-19 di Malaysia disampaikan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini. Hal ini kerana, (Shukery Mohamed & Zaharah Abdullah, 1999) menjelaskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi semua peringkat persekolahan dan pengajian telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu untuk dijadikan sebagai bahasa ilmu. Bahasa adalah medium komunikasi yang melibatkan perkembangan mental seseorang. Kashif, R. & Rafael, D.B. (2021) melalui Teori Perkembangan Kognitif Piaget menjelaskan terdapat pautan pemerolehan bahasa kepada perkembangan mental atau kognitif seseorang pelajar.

## Kajian Literatur

Dalam kajian literatur ini terdapat lima aspek kajian lepas yang diteliti, iaitu pemerolehan bahasa, bahasa pertama (B1), manusia berkeperluan khas, pandemik Covid-19 dan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960). Burhan Murshidi Baharon et al., (2021) menjalankan kajian dalam pemerolehan bahasa Melayu (sintaksis) dalam kalangan kanak-kanak berusia lima tahun. Hasil daripada kajian ini menunjukkan kanak-kanak banyak menggunakan ayat penyata berbanding ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan. Kecenderungan kanak-kanak adalah membina ayat penyata dengan tahap pemerolehan bahasa yang selari dalam perkembangan Teori Mentalis. Namun begitu, kanak-kanak berusia lima tahun ini boleh membina ayat dasar mengikut pola dan ayat majmuk. Yulia Eka Salnita et al., (2019) menjalankan kajian dalam pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak pendidikan awal. Keputusan kajian menunjukkan kanak-kanak dapat menuturkan fonem /r/ dan /s/ melalui fonologi mereka. Dalam aspek sintaksis pula kanak-kanak dapat bertutur dalam empat ayat, iaitu deklaratif, impretatif, interogatif dan ekslamatif. Bagi aspek semantik pula ujaran kanak-kanak mempunai makna denotatif. Fernandes, A. (2016) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa kedua. Hasil kajian menunjukkan manusia memperoleh bahasa melalui bunyi sejak dari dalam kandungan lagi secara tidak sedar. Penggunaan bahasa berlaku dengan tiga faktor iaitu, bawah sedar, secara sedar dan proses pembelajaran. Usia yang paling sesuai untuk mempelajari bahasa adalah pada umur dua atau tiga tahun kerana kanak-kanak berupaya membawa makna melalui input yang mereka peroleh. Norfazlika Abd. Karim et al., (2016) menjalankan kajian berkaitan personaliti dalam pemerolehan bahasa kedua menurut pandangan Islam. Kajian dijalankan bagi melihat kepentingan personaliti manusia seperti motivasi, sikap, budaya, harga diri, pergaulan, risiko serta ketabahan yang membawa kepada kecekapan dalam pemerolehan bahasa kedua. Malah, kajian ini secara amnya bertujuan melihat peranan personaliti individu dalam pemerolehan bahasa kedua mengikut pandangan Islam. Ardeshir et al., (2016) menjalankan kajian pendekatan interaksi dalam pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini bertujuan melihat interaksi yang berlaku di dalam kelas menggunakan bahasa

kedua oleh murid dan mencadangkan cara terbaik bagi meningkatkan tahap pemerolehan bahasa kedua dalam proses pembelajaran.

Nor Zulaiha Rosli et al., (2021) menjalankan kajian berkaitan kemahiran pertuturan dalam bahasa Melayu pelajar berbangsa Cina melalui analisis kontrastif. Keputusan kajian mendapat terdapat empat kesilapan sebutan bunyi konsonan iaitu, penggantian, penambahan bunyi, pengguguran bunyi dan gramatikal dalam bahasa Melayu. Ia berlaku kerana pengaruh bahasa pertama (B1) atau bahasa ibunda, iaitu bahasa Mandarin yang menyebabkan penguasaan yang lemah dalam bahasa Melayu. Muhammad Safuan Yusoff (2021) penguasaan bahasa ibunda (B1) dalam komunikasi mahasiswa di universiti dalam negara berbilang kaum. Dapatkan kajian memperlihatkan pelajar antarabangsa menggunakan bahasa pertama (B1) bagi mengiktiraf kemampuan diri dan yakin bahawa kemahiran bahasa pertama (B1) dapat menyumbang kepada perubahan asimilasi serta budaya masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Joel C. Meniado (2016) telah mengkaji tentang pemerolehan bahasa pertama (B1) kepada kanak-kanak berusia tiga tahun di Lebanon. Keputusan kajian menunjukkan responden memperoleh bahasa Arab sebagai (B1) sejak lahir. Oleh itu, B1 responden juga dibantu oleh persekitarannya dengan meniru dan membetulkan B1 tersebut. Bertaria, S. H. (2015) menjalankan kajian kepada kanak-kanak berusia antara satu hingga tiga tahun di Balata tentang pemerolehan bahasa (B1) mereka. Hasil kajian menunjukkan terdapat sembilan masalah dalam pemerolehan bahasa pertama (B1) yang berlaku. Antaranya adalah kesalahan tatabahasa, fonologi, kesilapan ujaran, peniruan, pengulangan, berlaku pembetulan, merujuk semula soalan, bersandar kepada pengalaman serta bersikap malas. Oleh yang demikian, pendekatan dalam pemerolehan bahasa pertama (B1) hanya pada tahap yang rendah. Davood, M. H. (2012) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa pertama (B1) melalui aspek pertimbangan psikologi dan epistemologi. Kajian ini dijalankan bagi melihat teori epistemologi klasik/moden dalam pemerolehan bahasa pertama (B1). Malah, bertujuan menyiasat pertimbangan dalam aspek psikologi dalam proses pemerolehan bahasa pertama (B1).

Diana, A. & Maria, M.B.M. (2021) menjalankan kajian tentang pengalaman menjaga anak dewasa yang mengalami masalah pembelajaran yang kritikal. Dapatkan kajian kualitatif ini menunjukkan pengalaman berlaku dengan pelbagai peristiwa yang sukar kerana sifat keibuan itu mereka boleh bertahan. Cadangan daripada kajian ini menganjurkan langkah reformasi untuk menyokong ibu kepada anak yang mengalam masalah pembelajaran ini. Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar (2018) pula menjalankan kajian mengenai masalah dalam pengajaran dalam proses inklusif di sekolah kepada murid berkeperluan khas. Dapatkan menunjukkan pelaksanaan program inklusif untuk murid berkeperluan khas perlu dirancang dengan baik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta diimplementasikan dengan bantuan serta kepakaran guru dalam proses pengajaran. Jorun, B. H. & Sujathamalini, J. (2016) menjalankan kajian tentang program inklusif yang efektif kepada murid berkeperluan khas. Keputusan dapatkan kajian menyimpulkan bahawa amalan yang pelbagai serta fleksibel dalam kelas boleh memenuhi kriteria yang diperlukan oleh murid berkeperluan khas. Malah, kajian menyatakan bahawa terdapat kekurangan kepakaran dalam bilik darjah seperti guru untuk menyampaikan proses pengajaran inklusif. Manisah Mohd. Ali & Norizza Sahal (2016) menjalankan kajian tentang intervensi bagi meningkatkan tumpuan dalam pembelajaran kepada murid yang mengalami masalah pembelajaran. Hasil dapatkan memperlihatkan tumpuan sampel meningkat melebihi 60% selepas intervensi diberikan dengan daya tumpuan diberikan

sepenuhnya dalam dua sesi intervensi. Ia berlaku secara praktikal melalui aktiviti origami secara *hands-on* yang menjadi faktor utama peningkatan daya tumpuan mereka. Seray, O.G. & Sezgin, V. (2015) menjalankan kajian mengenai kanak-kanak berkeperluan khas dengan memberikan pendapat serta melihat masalah dalam program inklusif. Keputusan kajian menunjukkan berlakunya perbezaan dalam penyesuaian yang diperlukan ke arah kekurangan mental dan ketidakupayaan pembelajaran dari aspek kandungan, dimensi, proses dan produk mereka. Hal ini demikian kerana, tingkah laku mereka yang tidak sesuai dilakukan semasa program inklusif bagi mengurangkan hukuman kepada kesalahan untuk mengukuhkan proses pembelajaran yang berlangsung.

Adam, B. & Helen, C. (2021) menjalankan kajian dengan melihat pengalaman *Special Educational Needs Coordinators* (SENCOs) di England semasa pandemik Covid-19 dengan mengenal pasti kekuatan dan cabaran sedia ada dengan memberi keutamaan pada kesihatan mental serta kesejahteraan sekolah. Hasil kajian menunjukkan kepentingan yang diutamakan adalah kesihatan mental dan kesejahteraan sekolah untuk murid serta kakitangan kerana pandemik Covid-19. Oleh itu, SENCOs memastikan keselamatan bagi mengelakkan penularan wabak dalam proses pendidikan dengan mengekang melalui arahan yang ditetapkan. Azman Ab Rahman et al., (2021) menjalankan kajian tentang cabaran yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam subjek Pendidikan Islam kepada pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran di Malaysia. Hasil dapatan mendapati cabaran utama dalam PdP Pendidikan Islam kepada pelajar berkeperluan khas adalah berkaitan teknologi. Selain itu, berlaku cabaran dalam komitmen pelajar serta ibu bapa dalam kehadiran kelas kerana memerlukan kemahiran dan kepakaran yang terhad sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lisette, H. (2021) menjalankan kajian mengenai persepsi ibu bapa terhadap motivasi dan kesejahteraan pelajar sekolah menengah sebelum dan semasa penutupan sekolah kesan Covid-19. Keputusan kajian memperlihatkan motivasi dan kesejahteraan pelajar merosot semasa penutupan sekolah. Penutupan ini memberikan negatif kesan terhadap kepada kanak-kanak *Special Educational Needs* (SEN) yang mengalami kurang upaya fizikal dan pelajar normal. Hal ini kerana, sepanjang pandemik melanda berlaku penutupan sekolah yang meneruskan pembelajaran secara atas talian. Muhammad, A.S. (2020) pula menjalankan kajian dari aspek perubatan tentang Covid-19. Kajian ini memfokuskan kepada jangkitan dan bagaimana Covid-19 boleh berjangkit kepada manusia. Hasil ringkasan kajian ini menunjukkan secara perbandingan tentang kehadiran patogen dalam jangkitan Covid-19 kepada manusia seperti sindrom pernafasan akut yang terus (SARSCoV) dan sindrom pernafasan yang pernah berlaku di Timur Tengah (MERS-CoV). Perbincangan kajian ini juga menjelaskan tentang pendekatan dalam pembangunan vaksin dan kombinasi terapeutik yang berkesan bagi mengatasi penularan wabak Covid-19. Shi Zhaoa et al., (2020) menjalankan kajian tentang anggaran bilangan awal penularan wabak Coronavirus di China yang bermula daripada tahun 2019 hingga 2020 melalui analisis data fasa awal penularan wabak. Dalam data awal sebahagian besar dianggarkan dengan julat daripada 2.24 (95%CI: 1.96–2.55) hingga 3.58 (95%CI: 2.89–4.39) yang dikaitkan dengan peningkatan 8 hingga dua kali ganda dalam kadar pelaporan.

Pramod, M. & Shiwali, S. (2019) menjalankan kajian berkaitan Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget. Kajian ini membincangkan tentang perkembangan teori yang mempunyai kesan dramatik terhadap cara melihat kebolehan kanak-kanak. Malah, kajian ini turut menjelaskan bahawa Piaget percaya kanak-kanak melalui empat peringkat perkembangan

kognitif. Antaranya adalah sensomotor, praoperasi, operasi konkret dan operasi formal. Ridho Agung Juwantara (2019) menjalankan kajian menggunakan analisis Teori Perkembangan Kognitif Piaget kepada kanak-kanak berusia lima hingga dua belas tahun dalam pembelajaran Matematik. Hasil analisis menunjukkan perkembangan anak pada usia tujuh hingga dua belas tahun adalah berbeza pada setiap tahap usia. Selain itu, dapatkan kajian ini dapat diaplikasikan oleh guru matematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih baik.

Vidya Bhagat et al., (2018) menjalankan kajian tentang kekuatan skema dalam diri kanak-kanak yang menjadi medium perkembangan kognitif. Kajian ini bertujuan memperlihatkan terapi dalam bermain dapat menyokong perkembangan kognitif dengan perkaitan skema dalam Teori Piaget. Kajian ini memberikan kebaikan kepada permainan interaktif bagi meningkatkan aspek skema dalam Teori Piaget untuk meningkatkan perkembangan awal kanak-kanak.

Sutarto. M.Pd (2017) menjalankan kajian tentang teori kognitif dan perkembangannya dalam proses pembelajaran. Dapatkan kajian yang dikaitkan dengan teori kognitif Jean Piaget adalah dua perkara penting yang dalam meningkatkan pengetahuan kendiri dalam proses pembelajaran. Kedua adalah individualistik dalam pembelajaran yang mana sikap manusia berubah-ubah mengikut tahap usia dan proses pembelajaran yang dilaluinya. Saghir Ahmad (2016) menjalankan kajian dalam aspek bermain yang melibatkan perkembangan kognitif dalam perspektif operasi formal dalam Teori Piaget. Hasil dapatkan memperlihatkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kebolehan menghafal, meneroka, memahami dan menyelesaikan masalah. Namun begitu, terdapat perbezaan yang berlaku dalam menghafal, meneroka, memahami kebolehan, dan menyelesaikan masalah yang dilihat dalam tempoh mereka bermain.

## **Metodologi**

Kajian ini dijalankan dengan mendapatkan data secara penelitian kepada seorang remaja perempuan yang berusia 18 tahun pada tahun 2022. Responden ini masih bersekolah dalam aliran kemahiran bagi pelajar berkeperluan khas di Sekolah Menengah Syed Alwi, Kangar, Perlis. Oleh itu, responden dipilih bersandarkan kepada hasil pemerolehan bahasa melalui ujian yang dijalankan. Malah, pemerolehan bahasa responden juga dilihat melalui hasil temu bual yang dijalankan yang sesuai dengan keperluan keadaan sosial semasa. Proses kajian dijalankan dengan melibatkan pemerhatian terhadap tingkah laku responden semasa menjalani ujian dan temu bual melalui pengetahuan tentang isu semasa. Selain itu, pemerhatian terhadap tingkah laku dijalankan bagi melihat pergerakan secara tidak verbal yang dilakukan bagi tujuan tertentu. Aspek tingkah laku dijalankan semasa proses penerangan informasi berkaitan Covid-19 melalui poster yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kemudian, tingkah laku responden dilihat semasa proses ujian berkaitan informasi Covid-19 dijalankan oleh penyelidik. Aspek tingkah laku dijalankan juga semasa menjalankan temu bual tentang pengetahuan am berkaitan arahan semasa pandemik Covid-19 melanda negara. Oleh yang demikian, pemerhatian tingkah laku dijalankan sebanyak tiga kali sepanjang kajian. Rakaman dijalankan semasa temu bual dijalankan kepada responden bagi mendapatkan data. Maka, data daripada

hasil temu bual ditranskripsikan ke dalam bentuk teks bagi tujuan analisis data kajian. Temu bual juga bertujuan mengetahui sumber yang membantu responden mendapat informasi bagi tindakannya untuk perlindungan penyakit sepanjang pandemik melanda.

Poster yang mengandungi informasi berkaitan Covid-19 yang merangkumi arahan, peringatan dan maklumat semasa dijadikan alat kajian untuk melihat sejauh mana pemerolehan bahasa responden terhadap informasi penting tersebut. Sumartono & Hani Astuti (2018) menjelaskan bahawa media yang banyak digunakan untuk tujuan mempromosi, mensosialisasikan aspek kesihatan adalah poster. Hal ini kerana, maklumat berkaitan Covid-19 kini begitu penting kepada setiap individu. Malah, informasi tentang Covid-19 mempunyai perubahan tertentu dari semasa ke semasa. Informasi melalui poster berkaitan Covid-19 dipilih kerana kepentingannya tanpa mengira latar belakang dan usia terhadap pematuhan arahan bagi mengekang penularan virus. Megawati (2017) telah menjelaskan bahawa penggunaan poster merupakan media pembelajaran yang dilihat sebagai alternatif yang berkesan sebagai cara yang efektif dan efisien. Harsono et al., (2019) poster merupakan medium yang sesuai digunakan sebagai media pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan penglibatan pelajar. Selain itu, informasi yang disalurkan dalam bahasa Melayu dilihat dapat memberikan pemahaman kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Indah Wahyuni & Nur Hidayah (2019) menyatakan bahawa poster juga digunakan untuk menyampaikan maklumat alat pelindung diri, langkah kerja, bahagian sesuatu peralatan dan info tentang produk pembelajaran. Hal ini kerana, responden menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (B1) dalam proses pembelajarannya serta kehidupan sehari-hari. Penggunaan poster yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dimuat naik melalui laman *facebook* rasmi sejak berlakunya pandemik bermula Disember 2019 hingga tahun 2022 (kini). Penerbitan poster dilihat dapat menarik perhatian masyarakat kerana informasinya lebih ringkas, padat serta menarik. Malah, visual yang digunakan secara berwarna sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat. Tidak terkecuali remaja berkeperluan khas yang mempunyai penguasaan bahasa yang rendah dalam memahami informasi berguna ini.

Penerbitan poster pilihan berkaitan Covid-19 telah dipilih secara rawak bermula penerbitannya bermula 4 Disember 2021 sehingga 15 Januari 2022. Ia dipilih berdasarkan bahan yang berbeza dan menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan di Malaysia. Pemilihan adalah sepuluh poster terpilih yang diambil pada hantaran di *facebook* dengan tajuk poster *Patuhi SOP Covid-19 Walaupun Sudah Divaksin, Strategi Pengujian Covid-19 Kebangsaan, Langkah-Langkah Melindungi Diri dan Keluarga Anda Daripada Covid-19 Varian Omicron, Perkara yang Perlu diberi Perhatian Selepas Pengambilan Dos Penggalak Covid-19, MySejahtera Trace (MYSJ TRACE), Yang Manakah Lebih Baik? Belum Divaksin, Lengkap Vaksin atau Selesai Terima Dos Penggalak, Prosedur Kemasukan Ke Malaysia bagi Pengembala yang Pernah Dijangkiti Covid-19 (i), Prosedur Kemasukan Ke Malaysia bagi Pengembala yang Pernah Dijangkiti Covid-19 (ii), Harga Siling untuk Vaksin Sinovac dan Sinopharm dan Elakkan 3S: Ketahui Tahap Risiko yang Berbeza dalam Persekutuan yang Berbeza* yang mengandungi teks ringkas bersama visual bagi memudahkan pemahaman melalui penggunaan animasi manusia dan menggunakan warna yang boleh menarik perhatian dalam pembacaan informasi. Sebanyak sepuluh poster dipilih kerana mempunyai informasi yang berbeza dan memberikan pemahaman kepada responden melalui visual dan teks dalam poster tersebut. Responden lebih berminat jika sesuatu informasi

disampaikan dengan ringkas dan padat kerana mempunyai tahap pemerolehan bahasa pertama (B1) yang masih lemah dalam teks baku. Lazimnya, pelajar yang mengalami masalah dalam pembelajaran yang masih di dalam program inklusif dan diserap ke dalam bidang kemahiran mengalami masalah dalam pemerolehan bahasa bagi proses pembelajaran. Situasi ini berlaku kepada responden yang memerlukan sesuatu item yang ringkas, padat dan menarik untuk difahami sebagai salah satu item pemerolehan bahasa pertama (B1) dalam bentuk formal.

Selepas itu, soalan dibina melalui informasi yang terkandung di dalam sepuluh poster berkaitan Covid-19 selepas penerangan diberikan oleh penyelidik. Ia bagi melihat sejauh mana pemerolehan bahasa pertama (B1) melalui ujian yang diberikan dan penilaian dijalankan daripada penyelidik. Soalan diberikan secara bertulis bagi melihat kemampuan menjawab soalan ujian tanpa rangsangan dan bantuan. Melalui ujian ini tahap pemerolehan bahasa pertama (B1) dapat dilihat dengan jelas kerana tiada unsur rangsangan semasa proses menjawab dan data yang diperoleh lebih jelas. Semasa proses menjawab juga tingkah laku dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan dicatatkan di dalam boring oleh penyelidik.

Selain itu, temu bual dijalankan bagi mengetahui sumber dapatan maklumat yang diperoleh responden sebelum kajian dijalankan. Hal ini kerana, pandemik telah dua tahun melanda semasa kajian ini dijalankan. Mengikut jangka masa yang berlaku bermakna responden telah melalui norma kehidupan baru seperti individu lain yang perlu mematuhi arahan pihak berwajib bagi mengelakkan penularan wabak. Temu bual juga bertujuan melihat sejauh mana kefahaman melalui sumber lain yang diperoleh melalui medium penyampaian yang berbeza. Hal ini kerana, informasi berkaitan Covid-19 juga disampaikan melalui media massa yang terbahagi kepada media cetak dan media elektronik. Namun begitu, penyampaian melalui laman sesawang dan sosial media adalah lebih meluas kerana penggunaan masyarakat kini terhadap media sosial. Oleh yang demikian, poster berkaitan informasi Covid-19 disebarluaskan melalui laman *facebook* yang menjadi penghubung maklumat kepada masyarakat. Malah, informasi lebih cepat dan tersebar dengan pantas.

Analisis kajian ini mengaplikasikan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) untuk menganalisis tahap pemerolehan bahasa pertama (B1) responden kajian. Penggunaan teori psikologi ini bukan sahaja bertujuan melihat pemerolehan bahasa pertama (B1) tetapi bertujuan mengenal pasti pemikiran responden berada pada tahap yang sesuai dan bertepatan dengan teori atau tidak menepati. Hal ini kerana, dalam Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) mengandungi empat tahap perkembangan manusia yang bermula sejak lahir hingga melepassi usia dua belas tahun.

Tahap pertama adalah sensomotor bermula kelahiran hingga dua tahun, tahap kedua adalah pra operasional pada usia dua tahun hingga dua hingga tujuh atau lapan tahun, ketiga adalah tahap operasi konkret pada usia tujuh atau lapan hingga usia sebelas atau dua belas tahun serta tahap keempat (akhir) adalah operasi formal bermula usia sebelas atau dua belas tahun ke atas. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada tahap keempat atau akhir dalam Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) kerana responden telah berusia 18 tahun semasa kajian dijalankan. Di mana pada tahap ini manusia telah berupaya membezakan sesuatu yang baik dan buruk. Malah, pada tahap ini dapat berfikir secara mendalam tentang sesuatu perkara dengan melihat kepada kesan dan akibat. Pada tahap ini juga seseorang manusia dilihat telah mampu memberi dan mencipta alasan sesuatu perkara dengan munasabah. Oleh yang demikian, tahap operasi formal memperlihatkan responden seharusnya dapat menaakul sesuatu perkara dengan

lebih jelas dengan memahami sesuatu yang baik dan buruk. Malah, pada tahap ini responden telah berupaya memberikan alasan yang kukuh terhadap sesuatu pernyataan.

## Hasil dan Perbincangan

Bagi mendapatkan data kajian maka soalan diberikan berdasarkan hanya sepuluh poster tentang Covid-19 terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diberikan dalam bentuk ujian. Soalan yang terhad bertujuan memberikan ruang kepada responden untuk berfikir dengan lebih baik kerana hanya memfokuskan kepada soalan berpandukan sepuluh poster pilihan sahaja. Nurfarhana Shahira Rosly et al., (2016) menyatakan bahawa pemilihan soalan yang terhad dan bersesuaian dengan situasi penceritaan juga adalah disebabkan oleh percubaan dalam mengenal pasti soalan yang mampu merangsang interaksi ujaran kanak-kanak, malah arahan yang diberikan juga mampu memberi kesan yang baik kepada responden kajian. Malah, pemberian soalan yang terhad bertujuan mendapatkan hasil jawapan yang berkualiti daripada responden. Hal ini kerana, keadaan responden yang mengalami masalah pembelajaran menghadkan tahap pemerolehan bahasa yang dimiliki. Selain itu, responden merupakan penghidap *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) sejak lahir lagi. Renata, K. & Luis, A.R. (2010) mendefinisikan ADHD sebagai gejala kurang memberikan perhatian, hiperaktif dan impulsif yang menjadi faktor dalam gangguan neuropsikologi yang berlaku pada permulaan pembesaran kanak-kanak. Situasi yang berlaku ini telah menjelaskan pemerolehan bahasa responden sejak kecil lagi. Hasil soalan ujian yang diberikan dianalisis dengan menggunakan perkaitan daripada aplikasi Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) pada tahap keempat atau operasi formal manusia. Kemudian, hasil temu bual mengenai informasi Covid-19 dilakukan dengan rakaman dan transkripsi ke dalam bentuk teks bagi analisis data kajian dengan melihat kaitannya melalui aplikasi teori. Oleh yang demikian, analisis secara penitian penuh dijalankan mengikut turutan soalan berdasarkan poster serta hasil temu bual bersama penyelidik.

## Analisis Data

### *Soalan Ujian (Poster)*

Hasil analisis kajian adalah berdasarkan pemerolehan bahasa pertama (B1) yang melibatkan soalan ujian daripada penerangan informasi dalam poster Covid-19 melalui laman rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang disampaikan melalui media sosial *facebook*.

Jadual 1: Tajuk Poster 1 *Patuhi SOP Covid-19 Walaupun Sudah Divaksin* (4 Disember 2021).

Soalan ujian	Jawapan	Catatan
1. Pilih yang manakah benar tentang elakkan 3S dalam pematuhan SOP Covid-19?	Tempat sesak, tempat sempit dan sembang dekat. Atau Tempat sesak, tempat lapang dan sembang dekat.	Jawapan: Betul

2. Pilih yang manakah benar tentang amalkan 3W dalam pematuhan SOP Covid-19?	Cuci/wash, pakai/wear atau Cuci/wash, pakai/wear dan basah/wet	Jawapan: Betul
--	--	----------------

Bagi ujian poster 1 menunjukkan bahawa responden dapat memberikan jawapan yang betul. Hal ini kerana, hasil temu bual menunjukkan aspek pematuhan SOP Covid-19 telah menjadi sebahagian daripada amalan yang dilakukan sepanjang pandemik. Malah, amalan mencuci tangan, memakai penutup hidung dan mulut dilakukan setiap kali responden keluar daripada kediamannya. Pada tahap ini menurut Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) menyatakan bahawa manusia telah mampu berfikir secara lebih kritikal dengan dapat membezakan sesuatu yang baik atau buruk. Selain itu, pematuhan SOP Covid-19 dilakukan tanpa arahan kerana sering diberikan peringatan oleh ahli keluarga dan orang sekeliling. Malah, informasi yang disampaikan melalui media elektronik seperti televisyen yang memberikan peringatan secara berulang kali memudahkan pemerolehan bahasa yang menggunakan bahasa pertama (B1) responden. Penggunaan bahasa Melayu difahami dengan jelas oleh responden supaya mematuhi SOP untuk mengelakkan jangkitan wabak. Maka, sesuatu perkara yang diaplikasikan secara berulang kali dapat memberikan pemahaman dan pemerolehan bahasa yang baik kepada responden.

Jadual 2: Tajuk Poster 2 Strategi Pengujian Covid-19 Kebangsaan, Langkah-Langkah Melindungi Diri dan Keluarga Anda Daripada Covid-19 Varian Omicron (8 Disember 2021).

Soalan ujian	Jawapan	Catatan
3. Berapa langkah yang dilakukan dalam ujian kendiri Covid-19?	Terdapat sepuluh langkah. Terdapat sembilan langkah.	Jawapan: Salah
4. Berapa lama masa yang diambil untuk tidak makan dan minum sebelum menjalankan ujian kendiri Covid-19?	Selama 1 jam 30 minit sebelum ujian kendiri Covid-19.. Selama 30 minit sebelum ujian kendiri Covid-19.	Jawapan: Salah

Dalam dapatan dalam ujian poster 2 yang menerangkan tentang pengujian kendiri Covid-19 untuk perlindungan keluarga serta diri daripada varian *omicron* menunjukkan berlakunya kegagalan dalam jawapan ujian. Hal ini kerana, ujian kendiri Covid-19 tidak pernah dilakukan oleh responden. Oleh yang demikian, turutan dan langkah tidak dapat diingati hanya melalui penerangan. Jelas sekali menunjukkan responden cenderung untuk mengingati dan mendapat bahasa dengan baik melalui sesuatu yang sering dilakukan secara berulang kali. Malah, responden tidak memahami dengan jelas tentang kadar masa yang ditetapkan sebelum melakukan ujian kendiri Covid-19. Namun begitu, responden memahami bahawa bahaya terhadap varian *omicron* yang sering diperdengarkan melalui media. Bagi soalan ujian ini menunjukkan responden kurang peka terhadap pengujian kendiri Covid-19 melalui pemerolehan bahasa pertama (B1) kerana tidak mempunyai pengalaman dalam perkara ini.

Jadual 3: Tajuk Poster 3 *Langkah-Langkah Melindungi Diri dan Keluarga Anda Daripada Covid-19 Varian Omicron* (28 Disember 2021)

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Ke manakah perjalanan perlu ditangguhkan Covid-19?	Menangguhkan perjalanan ke negara yang berisiko tinggi. atau Menangguhkan perjalanan ke hospital jika berlaku masalah kesihatan kronik.	Jawapan: Betul
2. Apakah langkah pencegahan kendiri bagi mengelakkan Covid-19?	Cuci tangan,pakai penutup hidung dan mulut serta gunakan <i>hand sanitizer</i> . atau Cuci tangan, pakai penutup hidung dan mulut serta gunakan sabun pencuci jika tiada air.	Jawapan: Betul

Kemudian, dapatan melalui ujian poster 3 adalah berkaitan langkah melindungi diri dan keluarga daripada virus Covid-19 dan varian *omicron*. Dalam ujian ini responden dapat memberikan jawapan yang betul. Hal ini menunjukkan responden mendapat bahasa pertama (B1) dengan baik semasa sesi penerangan. Malah, pemerolehan bahasa pertama (B1) yang baik dalam ujian poster ini disebabkan oleh perkara yang dilakukan secara praktikal oleh responden. Malah, responden mengetahui dengan jelas tentang penggunaan *hand sanitizer* bagi mengelakkan risiko jangkitan covid-19 yang melanda. Selain itu, responden memahami bahawa pergerakan dan halangan ke kawasan yang berisiko tinggi semasa Covid-19 bagi mengelakkan penularan jangkitan. Responden menunjukkan perasaan takut yang jelas akan jangkitan Covid-19 yang menunjukkan responden begitu memahami bahawa bahaya virus Covid-19.

Jadual 4: Tajuk Poster 4 *Perkara yang Perlu diberi Perhatian Selepas Pengambilan Dos Penggalak Covid-19* (30 Disember 2021)

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Di manakah perlu dilaporkan sebagai langkah pertama jika mengalami sebarang reaksi atau gejala selepas alahan?	Laporkan di hospital atau klinik berdekatan. atau Laporkan di dalam aplikasi MySejahtera.	Jawapan: Salah
2. Berapa lamakah masa yang dicadangkan supaya tidak melakukan sebarang aktiviti berat selepas mengambil dos penggalak?	Dicadangkan selama seminggu. atau Dicadangkan selama tiga hari.	Jawapan: Betul

Selepas itu, dalam ujian poster 4 menunjukkan terdapat satu kesalahan dan jawapan betul yang dijawab oleh responden. Dalam poster ini membincarakan tentang perhatian yang perlu diberikan selepas pengambilan dos penggalak. Pemerolehan bahasa pertama (B1)

responden berada pada tahap yang baik dengan sokongan aktiviti praktikal dan tidak melibatkan sesuatu yang mengelirukan. Soalan yang dijawab salah berlaku kerana berlaku kekeliruan kepada responden. Malah, laporan gejala kesan vaksin melalui MySejahtera tidak pernah dilakukan oleh responden dan tiada penekanan daripada persekitarannya tentang laporan gejala kesan selepas pengambilan vaksinasi.

Jadual 5: Tajuk Poster 5 *MySejahtera Trace (MYSJ TRACE)* (30 Disember 2021).

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Berapa langkah yang perlu dilakukan untuk mengemaskini tetapan fungsi My Sejahtera?	Lapan langkah. atau Enam langkah.	Jawapan: Salah
2. Bilakah <i>bluetooth</i> dalam peranti perlu diaktifkan?	Bila sampai di sesuatu fasiliti (mengimbas MySejahtera). atau Perlu diaktifkan pada setiap masa.	Jawapan: Salah

Poster 5 bertujuan memberikan maklumat berkaitan MySejahtera dan langkah mengemaskini aplikasi tersebut. Dapatkan ini menunjukkan pemerolehan bahasa pertama (B1) responden adalah lemah. Hal ini berlaku kerana aktiviti kemaskini hanya dilakukan beberapa kali sahaja sepanjang berlakunya pandemik. Malah, aplikasi ini hanya terdapat pada telefon pintar ibu responden yang digunakan bersama. Dalam hal ini responden hanya mengetahui tentang MySejahtera adalah untuk imbasan jika memasuki sesuatu premis atau menghadiri sesuatu majlis. Namun begitu, responden tidak mengambil tahu tentang bagaimana cara mengemaskini serta memasukkan aplikasi MySejahtera ke dalam telefon pintar. Walau bagaimanapun, responden memahami kegagalan menggunakan MySejahtera dan menulis data ketika memasuki sesuatu premis akan mengakibatkan denda atau penalti oleh pihak berkuasa. Hal ini jelas menunjukkan responden memperoleh bahasa dengan baik tentang tujuan penggunaan MySejahtera dalam keadaan pandemik Covid-19.

Jadual 6: Tajuk Poster 6 *Yang Manakah Lebih Baik? Belum Divaksin, Lengkap Vaksin atau Selesai Terima Dos Penggalak* (9 Januari 2022).

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Berapa kali kemungkinan jangkitan Covid-19 kepada individu yang tidak mengambil vaksin dan dos penggalak?	Sepuluh kali. atau Sembilan kali.	Jawapan: Salah
2. Berapa kali kemungkinan risiko kematian akibat Covid-19 kepada individu yang tidak mengambil vaksin dan dos penggalak?	62 kali. atau 72 kali.	Jawapan: Salah

Dalam poster 6 membincarakan maklumat berkaitan kadar risiko jangkitan jika divaksin atau tidak divaksin dan jika mengambil dos penggalak. Responden menunjukkan kecenderungan pemerolehan bahasa pertama (B1) yang tidak melibatkan angka. Hal ini kerana

dalam poster 6 menunjukkan angka tidak dapat diingati dengan baik oleh responden. Malah, pilihan jawapan dengan angka yang hampir sama telah mengelirukan pilihan jawapan yang betul oleh responden kajian. Selain itu, aspek kadar berapa kali risiko jangkitan dan kematian tidak didedahkan secara mendalam dan berulang kali kepada responden. Oleh itu, responden tidak terbiasa dengan angka yang dinyatakan semasa proses penerangan dijalankan.

Jadual 7: Tajuk Poster 7 Prosedur Kemasukan Ke Malaysia bagi Pengembara yang Pernah Dijangkiti Covid-19 (12 Januari 2022).

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Prosedur terbaru kemasukan ke Malaysia ditujukan kepada siapa?	Pengembara dari luar negara ke Malaysia. Jawapan: Salah atau Pengembara dari Malaysia ke luar negara.	
2. Siapakah yang perlu mematuhi prosedur ini?	Pengembara yang pernah dijangkiti Covid-19. Jawapan: Betul atau Pengembara yang tidak pernah dijangkiti Covid-19.	

Seterusnya, poster 7 menyampaikan informasi tentang kemasukan pengembara yang pernah dijangkiti Covid-19. Walau bagaimanapun, poster ini hanya menyampaikan maklumat ringkas yang merupakan pengumuman terbaru melalui poster. Dalam jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan berlakunya kekeliruan kerana informasi ini tidak pernah diketahui dengannya secara jelas. Kekeliruan berlaku kerana tidak dapat mengingati dengan jelas siapakah yang diberikan arahan tersebut. Namun begitu, responden memahami arahan itu ditujukan kepada pengembara yang pernah dijangkiti Covid-19 kerana mendapat bantuan daripada tajuk besar poster. Malah, situasi ini menunjukkan kepentingan tajuk poster bagi menyampaikan maklumat terpenting tentang sesuatu informasi.

Jadual 8: Tajuk Poster 8 Prosedur Kemasukan Ke Malaysia bagi Pengembara yang Pernah Dijangkiti Covid-19 (12 Januari 2022).

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Berapa lamakah tempoh yang ditetapkan sebelum berlepas ke Malaysia kepada pengembara yang pernah dijangkiti Covid-19?	11 hingga 60 hari.. atau 10 hingga 60 hari.	Jawapan: Salah
2. Bagi penghidap Covid-19 yang tidak dimasukkan ke hospital, ujian apakah yang perlu dilakukan sebelum berlepas ke Malaysia?	Kit ujian kendiri atau Ujian saringan RTK profesional.	Jawapan: Betul Covid-19.

Bagi poster 8 pula bertujuan menyampaikan informasi Covid-19 berkaitan prosedur kemasukan ke Malaysia dengan lebih jelas melalui prosedur yang ditetapkan. Bagi memberikan

jawapan berpandukan poster 8 memperlihatkan kegagalan pemerolehan bahasa pertama (B1) dalam mengingat tempoh yang berkait dengan angka. Responden tidak dapat mengingati dengan jelas kerana berlaku kekeliruan dalam memilih jawapan yang tepat. Pilihan jawapan yang diberikan hampir sama bagi melihat sejauh mana tahap pemerolehan bahasa responden dalam menjawab soalan daripada poster 8. Namun begitu, bagi menjawab soalan berkaitan ujian Covid-19 menunjukkan responden memahami ujian jenis apa yang digunakan untuk menguji jangkitan virus itu. Hal ini kerana, responden dapat berfikir jenis ujian yang terbaik kerana melibatkan rentas negara. Walaupun terdapat aspek yang tidak kerap diperdengarkan dan kebiasaan responden tetapi penggunaan ayat yang profesional menyebabkan responden boleh berfikir secara mendalam. Malah, pemikiran yang digabungkan dengan dapatan pemerolehan bahasa pertama (B1) semasa penerangan poster memberikan kesan yang baik kepada pemerolehannya.

Jadual 9: Tajuk Poster 9 *Harga Siling untuk Vaksin Sinovac dan Sinopharm* (13 Januari 2022).

Soalan Ujian	Jawapan	Catatan
1. Berapakah harga borong bagi vaksin CoronaVac keluaran Sinovac?	RM62.00. atau RM49.00.	Jawapan: Salah
2. Berapakah harga bagi harga runcit vaksin Covilo keluaran Sinopharm?	RM77.00 atau RM61.00.	Jawapan: Betul

Selepas itu, dalam poster 9 terkandung informasi tentang harga vaksin bagi Coronavac dan Covilo. Dalam ujian ini responden mengalami kekeliruan dan pemerolehan bahasa pertama (B1) yang lemah kerana melibatkan angka. Kadar ingatan berkaitan angka dilihat mengurangkan pemerolehan bahasa kepada responden. Walaupun jawapan yang diberikan salah satunya adalah betul tetapi responden tidak jelas tentang harga sebenar yang dicatatkan dalam poster 9. Namun begitu, responden tetap berusaha dan mencuba menjawab soalan yang diberikan. Malah, semasa sesi penerangan poster yang dijalankan oleh penyelidik memperlihatkan responden memberikan perhatian sesuai dengan usianya yang telah meningkat remaja.

Jadual 10: Tajuk Poster 10 *Elakkan 3S: Ketahui Tahap Risiko yang Berbeza dalam Persekutaran yang Berbeza* (15 Januari 2022).

Soalan ujian	Jawapan	Catatan
1. Mengapakah Covid-19 boleh tersebar melalui aktiviti SEMBANG/perbualan?	Tersebar kerana bersembang/berbual dalam jarak yang dekat. atau Tersebar kerana berbual melalui panggilan suara di telefon.	Jawapan: Betul

2. Mengapakah kawasan SEMPIT Mempunyai pengudaraan yang luas dan lapang. Jawapan: Betul boleh mengakibatkan jangkitan Covid-19?  
atau  
Mempunyai pengudaraan yang tidak baik.
- 

Akhir sekali, adalah poster 10 yang menyampaikan maklumat berkaitan risiko dan persekitaran yang berbeza dengan jangkitan Covid-19. Bagi jawapan dalam ujian poster 10 menunjukkan bahawa responden memahami dengan jelas semasa penerangan diberikan oleh penyelidik. Hal ini menunjukkan, responden mendapat pemerolehan bahasa pertama (B1) yang berkesan dalam hal berkaitan risiko jangkitan Covid-19. Hal ini kerana, perkara seperti penjarakan sosial, elakkan berada di kawasan ramai orang serta sempit kerap diingatkan oleh ahli keluarga dan orang lain dalam persekitarannya. Malah, responden sering mendapat informasi ini melalui media elektronik yang berulang kali mengingatkan tentang risiko terhadap 3S (sembang, sempit dan sesak). Selain itu, responden menyatakan bahawa dia takut untuk berada di tempat yang ramai orang kerana bimbang dijangkiti wabak itu. Oleh itu, melalui apa yang diperkatakan oleh responden menunjukkan bahawa bahaya serta arahan penting pihak berwajib semasa pandemik Covid-19 difahami dengan baik oleh responden.

## Kesimpulan

Konklusinya, kajian ini membincarakan tentang pemerolehan bahasa pertama (B1) oleh remaja berkeperluan khas berusia 18 tahun melalui poster pilihan berkaitan Covid-19 yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui laman *facebook* rasmi KKM. Adalah diharapkan hasil daptan kajian ini dapat diteruskan oleh pengkaji dalam bidang pemerolehan bahasa, neuropsikolinguistik dan bidang berkaitan. Kajian seterusnya dapat dilihat daripada penggunaan poster yang dapat membantu meningkatkan pemerolehan bahasa kepada manusia berkeperluan khas dalam memperoleh informasi dengan lebih mudah. Hal ini kerana, poster merupakan item yang menggunakan bahasa yang ringkas, padat serta mudah. Malah, poster menggunakan visual berwarna yang boleh menarik perhatian pembaca. Poster dilihat dapat menjadi Alat Bantu Mengajar (ABM) yang baik dalam bidang pendidikan khas kerana pelajar dalam kategori berkeperluan khas yang mengalami masalah pembelajaran lebih cenderung kepada bahan yang mudah difahami mereka. Selain itu, kajian ini dapat memberikan kesan yang baik kepada pihak sekolah dalam pendidikan khas, ibu bapa serta penjaga, pelajar dan masyarakat dalam membantu meningkatkan pemerolehan bahasa pertama (B1) pelajar berkeperluan khas. Hal ini kerana, pemerolehan bahasa pertama (B1) begitu penting dalam proses kehidupan individu untuk menjalankan sebarang urusan. Pemerolehan bahasa pertama (B1) yang baik tidak terhad dalam bidang pendidikan sahaja tetapi penting dalam kerjaya dan kehidupan seseorang manusia. Di Malaysia keperluan pemerolehan bahasa Melayu yang baik sebagai bahasa rasmi dan utama menjadi asas dalam penguasaan ilmu pendidikan lain secara formal atau tidak. Malah, penggunaan bahasa Melayu yang meluas memerlukan setiap individu tanpa mengira latar belakang memahami setiap informasi yang disampaikan melalui media cetak, media elektronik dan media sosial menggunakan bahasa Melayu. Kegagalan menguasai bahasa Melayu dengan baik memberikan kesan kepada penerimaan maklumat yang

disampaikan. Hal ini kerana, maklumat penting yang disampaikan kepada masyarakat menggunakan bahasa Melayu bertujuan memberikan pemahaman yang berkesan supaya dapat dipatuhi. Malah, pandemik Covid-19 yang melanda negara ini bermula Disember 2019 memberikan tumparan hebat dalam norma kehidupan masyarakat sebelum ini. Arahan daripada pihak berwajib disampaikan secara meluas melalui pelbagai media yang tersedia. Salah satunya adalah media sosial yang menjadi pilihan masyarakat di Malaysia dalam zaman moden ini. Tidak terkecuali remaja berkeperluan khas yang menjadi individu di Malaysia perlu memahami serta mematuhi arahan dalam pematuhan SOP Covid-19 untuk mengelakkan jangkitan dan mengurangkan kadar jangkitan yang berlaku. Setiap informasi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disampaikan secara berperingkat dan keadaan keperluan semasa. Oleh itu, setiap individu perlu peka dalam mendapatkan maklumat daripada KKM supaya tidak melakukan sesuatu yang menyalahi arahan semasa pandemik Covid-19 di Malaysia.

Namun begitu, bagi pelajar berkeperluan khas yang mempunyai pemerolehan bahasa pertama (B1) yang terhad pastinya mempunyai halangan dalam memahami informasi. Tambahan pula, sesi persekolahan yang perlu dilakukan secara atas talian memberikan kesan kepada pemerolehan bahasa remaja berkeperluan khas. Walau bagaimanapun, inisiatif pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyampaikan maklumat dalam pelbagai cara yang menarik telah berupaya membantu pelajar berkeperluan khas mendapatkan maklumat penting berkaitan Covid-19 dengan jelas. Maklumat disampaikan menggunakan tayangan visual yang menarik dengan penggunaan bahasa Melayu dan mudah difahami membantu meningkatkan kadar pemerolehan bahasa pertama (B1) responden. Malah, tayangan iklan di media elektronik berkaitan informasi Covid-19 membantu merangsang ingatan jangkamasa panjang untuk merekodkan arahan yang disampaikan. Tidak dapat disangkal lagi medium penyampai maklumat yang pelbagai dan menarik menjadi alat pemerolehan bahasa pertama (B1) yang membantu meningkatkan proses mendapatkan bahasa dalam masa yang sama.

Maka, jelaslah dalam usia 18 tahun responden melalui tahap pemerolehan bahasa pertama (B1) dengan pelbagai cara. Walaupun, responden merupakan seorang pelajar berkeperluan khas yang mengalami masalah pembelajaran tetapi melalui rangsangan bahasa yang pelbagai telah membantunya mendapatkan dan menambahkan pengetahuan bahasa Melayu. Malah, bersesuaian dengan aplikasi Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1960) yang menyatakan pada tahap keempat (operasi formal) manusia telah dapat menganalisis maklumat yang disampaikan dengan melihat sesuatu secara mendalam. Hal ini ditunjukkan melalui kefahaman berkaitan Covid-19 tentang bahaya wabak serta pematuhan SOP yang dilaksanakan oleh responden. Malah, responden menerima suntikan vaksin pertama dan kedua tanpa ada halangan serta pertikaian dengan arahan tersebut. Pemahaman maklumat penting sepanjang pandemik Covid-19 penting tanpa mengira status, darjah dan latar belakang seseorang individu bagi mengelakkan penularan wabak bahaya ini dalam masyarakat.

## Rujukan

- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2014). Masalah Pembelajaran: Tanda dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas. *Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka*. Jil.14, Bil.2, 301-324.

- Adam, B. & Helen, C. (2021). The experience of SENCOs in England during the COVID-19 pandemic: the amplification and exposure of pre-existing strengths and challenges and the prioritisation of mental health and wellbeing in schools. *Journal of Research in Special Educational Needs*. Vol.22, Issue 2, 1-11.
- Ahwy Oktradiks. (2013). Pemerolehan bahasa Pertama. *Jurnal Penelitian dan Pendidikan Islam*. Vol.4, No.1, 236-247.
- Amita Diananda. (2018). Psikologi Remaja dan Permasalahannya. *Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*. Vol.1, No.1, 116-133.
- Ardeshir, Jahani, H. & Akbarzadeh, M. (2016). Interaction Approach and Second Language Acquisition. *International Journal of Current Research*. Vol. 8, Issue, 11, 41423-41425.
- Azman Ab Rahman , Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd. Faiz Abd. Shakor & Afaf Sukari. (2020). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 5, No.1, 127-138.
- Bertaria, S. H. (2015). Children First Language Acquisition At Age 1-3 Years Old in Balata. *Journal Of Humanities And Social Science*. Vol.20, Issue 8: 51-57.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydiah A. Salam. (2021). Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Kanak-Kanak Berusia Lima Tahun. *Jurnal Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bil.20 (2), 314-328.
- Constantinos, N. Mantzikos & Christina, S. L. (2020). Difficulties and Barriers in The Education of Deaf and Hard of Hearing Individuals in The Era Of Covid-19: The Case of Greece - A Viewpoint Article. *European Journal of Special Education Research*. Vol.6, No.5: 75-95.
- Davood, M. H. (2012). First Language Acquisition: Psychological Considerations and Epistemology. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 2, No. 2, 411-416
- Diana, A. & Maria, M. B. B. (2021). Experiences of Mothers Who Care for Adults with Profound Intellectual Disabilities. Qualitative Study. *International Journal of Special Education*. Vol. 36(2), 1-12.
- Fernandes, A. (2016). Language Acquisition and Learning on Children. *Journal of English Education*. Vol.1, No.1, 1-9.
- Harsono, Susi Yulia Rosanti & Noor Aslinda Abu Seman. (2019). The Effectiveness of Posters as a Learning Media to Improve Student Learning Quality. *The Journal of Social Sciences Research*. Special Issue. 1, 97-103.
- Indah Wahyuni & Nur Hidaya. 2019. Penggunaan Media Pembelajaran Poster di Bengkel. *Jurnal Pendidikan Teknik SIPIL*.Vol.I No.1, 11-18.
- Joel, C. M. (2016). First language acquisition: A case study of a three-year old Lebanese child. *Journal of Child Language Acquisition and Development*. Vol.4, Issue 3, 98-12.
- Jorun, B. H. & Sujathamalini, J. (2016). Effective Practice in Inclusive and Special Needs Education. *International Journal Of Special Education*. Vol 31, No.1: 119-134.
- Kashif, R. & Rafael, D. B. (2021). Language Acquisition Theory and Context in Materials Development for Second Language Writing Courses. *The Journal of Asia Tefl*. Vol. 18, No.2: 649-656.

- Lisette, H., Linda, B., Jaap, J.A.D., Isabelle, D. & Anouke, B. (2021). Parents' perceptions of secondary school students' motivation and well-being before and during the COVID-19 lockdown: the moderating role of student characteristics. *Journal of Research in Special Educational Needs*. Vo.22, Issue 3, 1-12.
- Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*. Vol. 14(1), 11-20.
- Megawati. (2017). Pengaruh Media Poster Terhadap Hasil Belajar Kosakata Bahasa Inggris. *Getsemepena English Education Journal*. Vol.4 No.2, 101-117.
- Muhammad, A.S., Suliman, K., Abeer, K., Nadia, B. & Rabeea, S. (2020). COVID-19 Infection: Emergence, Transmission, and Characteristics of Human Corona viruses. *Journal of Advanced Research*. Vol. 24: 91–98.
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Saifulazry Mokhtar. (2021). Penguasaan Bahasa Ibunda Sebagai Medium Komunikasi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Suatu Penelitian Cakna Bahasa Negara Berbilang Kaum. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. Vol.6, Issue 41, 38-54.
- Norazizah Mohamed Norok & Khairul Farhah Khairuddin. (2022). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 7, Issue 1, 132-144.
- Norfazlika Abd. Karim Dzeelfa Zainal Abidin Siti Nur Dina Mohd Ali. (2016). Personality Factors and Second Language Acquisition: an Islamic Viewpoint. *International Journal of Business, Economics and Law*. Vol. 11, Issue 5, 12-19.
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar & Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu oleh Murid Cina: Teori Analisis Kontrastif. *LSP International Journal*. Vol. 8, Issue 1, 35–55.
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abdul Rahim & Hazlina Abdul Halim. (2016). Interaksi Ujaran Kanak-kanak Menerusi Elemen Pendigitalan dalam Penceritaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 16(1), 89-108.
- Pramod, M. & Shiwali, S. (2019). Jean Piaget's Theory of Cognitive Development. *Global Journal for Research Analysis*. Vol. 8, Issue 7, 101-102.
- Renata Kieling & Luis A. Rohde. (2010). ADHD in Children and Adults: Diagnosis and Prognosis. *Curr Topics Behav Neurosci*. Vol.9, 1-16.
- Ridho Agung Juwantara. (2019). Analisis Teori Perkembangan Kognitif Piaget pada Tahap Anak Usia Operasional Konkret 7-12 Tahun dalam Pembelajaran Matematika. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*. Vol.9, No.1, 27 – 34.
- Saghir, A., Abid, H.C., Ayesha, B., Khadija, S. & Misbah, M. 2016. Play and Cognitive Development: Formal Operational Perspective of Piaget's Theory. *Journal of Education and Practice*. Vol.7, No.28, 72-79.
- Seray, O. G. & Sezgin, V. (2015). Children with Special Needs' Opinions and Problems about Inclusive Practices. *Hacettepe Üniversitesi Kütüphaneleri Açık Erişim Birimi*. Vol 40, No. 180, 169-195.

- Shi Zhao, Qianyin Lin, Jinjun Ran, Salihu S. Musa, Guangpu Yang, Weiming Wang, Yijun Lou, Daozhou Gao, Lin Yang, Daihai He, Maggie H. Wang. (2020). Preliminary Estimation of The Basic Reproduction Number of Novel Coronavirus (2019-Ncov) in China, From 2019 To 2020: A Data-Driven Analysis in The Early Phase of The Outbreak. *Journal of Advanced Research*. Vol. 24, 91–98.
- Shukery Mohamed & Zaharah Abdullah. (1999). Kepentingan Pengetahuan Sedia Ada dalam Bacaan dan Pemahaman: Satu Sorotan Ringkas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil. 16, 85-94.
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah Pengajaran Guru dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah. *Asian People Journal*. Vol. 1, Issue 2: 243-263.
- Sumartono & Hani Astuti. (2018). Penggunaan Poster Sebagai Media Komunikasi Kesehatan. *Jurnal Ilmiah Komunikasi*. Vol. 15 No. 1: 8-14.
- Sutarto. M.Pd. (2017). Teori Kognitif dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Jurnal Bimbingan Kaunseling dan Islam*. Vol. 1, No. 2, 1-26.
- Vidya, B., Mainul, H. & Kamarudin, J. 2018. Enrich Schematization in Children: Play as The Tool for Cognitive Development. *Journal of Applied Pharmaceutical Science*. Vol. 8(07), 128-131.
- Yi-Chi Wua, Ching-Sung Chena & Yu-Jiun Chan. (2022). The outbreak of COVID-19: An overview. J Chin Med Assoc. Review article. *National Centre for Biotechnology Information*: Vol. 83(3), 217-220.
- Yulia Eka Salnita, Atmazaki & Abdurrahman. (2019). Language Acquisition for Early Childhood. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. Vol. 3, Issue 1, 119 – 126.